

22 AUG 1996

TENAGA NASIONAL KAJI PEMBAYARAN PAMPASAN KEPADA PENGGUNA

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Tenaga Nasional bermesyuarat hari ini bagi membincangkan isu pembayaran pampasan kepada pengguna berikutan gangguan bekalan elektrik di seluruh Semenanjung 3 Ogos lepas.

Jurucakap Tenaga Nasional berkata syarikat itu sedang mengkaji isu pembayaran pampasan dari segenap sudut dan akan mengemukakan hasil kajian kepada pemegang utama Tenaga Nasional untuk dipertimbangkan.

"Mereka yang akan membuat keputusan muktamad," kata jurucakap itu ketika dihubungi untuk reaksi Tenaga Nasional terhadap kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Tenaga Nasional mesti membayar pampasan kepada pengguna yang menanggung kerugian akibat kejadian itu.

Pemegang saham utama Tenaga Nasional ialah Menteri Kewangan Diperbadankan dan Khazanah Nasional Berhad.

Butiran mesyuarat tidak dinyatakan.

Dr Mahathir semalam berkata tidak wajar bagi Tenaga Nasional untuk mengaut keuntungan dan enggan membayar pampasan bagi kerugian yang dialami oleh pengguna berikutan kejadian itu. -- BERNAMA

AFY FAZ